



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (60) 08/08

LAWATAN YB MENTERI PERTAHANAN KE KEM MAHKOTA, KLUANG

1. **KLUANG, 30 Ogos 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah melaksanakan lawatan ke kem Mahkota, Kluang Johor, hari ini. Semasa lawatan, **YB Menteri Pertahanan dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan** diringi oleh panglima 7 Briged, Brigadier Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad bersama-sama menyaksikan demonstrasi projek penanaman hidroponik yang ditaklimatkan oleh Profesor Madya Ts. Dr. Siti Amely binti Jumaat, Associate Professor in Electrical Engineering Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
2. Seusai demonstrasi projek tanaman hidroponik tersebut, YB Menteri Pertahanan turut melancarkan **Program e-Perkasa SPM Yayasan LTAT** dan **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** di Dewan Mahkota, Kem Mahkota, Kluang. Program e-Perkasa SPM ini adalah satu komitmen Yayasan LTAT (YLTAT) bersama UPSI dalam **memperkasa pendidikan anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**.
3. Program tuisyen ini bakal **memberi manfaat kepada seramai lebih 969 orang anak-anak warga ATM seluruh negara** sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2024. Program ini berdasarkan konsep mentor-mentee dengan menggunakan platform digital seperti *Google Meet* dan *Youtube Live* bagi pengukuhan kefahaman selain memperkasa usaha pemindahan pengetahuan dan kepakaran antara kedua-dua pihak.
4. Semasa pelancaran tersebut, seramai 35 orang pelajar telah menerima **peranti Chromebook yang disumbangkan oleh Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol)** bagi **memudahkan para pelajar mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih praktikal**. Sumbangan ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar.
5. Turut hadir semasa Majlis adalah Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin, AKS Sumber Manusia, Mejar Jeneral Dato' Norsham bin Md Tap, Ketua Eksekutif YLTAT, Dato' Dr. Mohd Nizar bin Haji Sudin; Naib Canselor UPSI, Prof Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff dan Ketua Pegawai Eksekutif BHPetrol, YBhg. Ir. Haji Azizul Azily bin Ahmad.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia